

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN
ANTARABANGSA
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2020
DAN PELANCARAN PD FOREST**

**PADA : 8 OGOS 2020 (SABTU)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : PD FOREST, PORT DICKSON.**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

**Yang Berhormat Dato' Hj. Zulkefly Mohamad bin
Omar,**

Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Sembilan,

**Yang Berhormat Dato' Dr. Razali bin Ab. Malik,
Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan,**

**Yang Berbahagia Dato' Mohd Ridza bin Awang,
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung
Malaysia,**

**Yang Berusaha Tuan Haji Saleh bin Awaludin,
Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan,**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri Sembilan,**

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan,

Wakil-wakil Media,

seterusnya tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi tinggi pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat serta hidayah-Nya, kita semua dapat berkumpul pada pagi ini di dalam Hutan Simpan Sungai Menyala bagi program **Sambutan Hari Hutan Antarabangsa** Peringkat Negeri Sembilan tahun 2020 dan **Pelancaran PD Forest**.

2. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua tetamu kehormat yang hadir. Juga kepada semua pihak yang terlibat menjayakan majlis perasmian yang penuh bersejarah pada pagi ini.

3. Tahniah juga diucapkan khusus kepada Tuan Rumah, Tuan Haji Saleh bin Awaludin, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran dan kejayaan majlis pada hari ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Hari ini kita bertuah kerana berpeluang untuk menyambut **Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2020**.

Objektif sambutan ini adalah sebagai simbol kepada usaha-usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Tema sambutan pada tahun ini ialah **“Forest and Biodiversity”** atau **“Hutan dan Biodiversiti”**.

5. Untuk pengetahuan semua, negara kita telah dinobatkan sebagai salah satu daripada 17 negara di dunia yang diklasifikasikan sebagai negara mega biodiversiti. Pelbagai khazanah flora dan fauna ada tersimpan dalam hutan yang masih belum dikenali dan dijelajah sepenuhnya.

6. Pada hari ini, kita sedang berada dalam Hutan Simpan Sungai Menyala yang berkeluasan 1,280 hektar yang merupakan kawasan berimpak tinggi.

Hutan ini telah diwartakan sebagai **Hutan Perlindungan** dan diurus sebagai “**High Conservation Value Forest**” atau **Hutan Bernilai Pemeliharaan Tinggi**. Hutan Simpan Sungai Menyala ini juga merupakan **Hutan Dipterokarp Pamah Pantai** yang masih ada di Semenanjung Malaysia. Selain itu, di Hutan Simpan Sungai Menyala ini juga terdapat satu Petak Kajian Ekologi yang akan didaftarkan di dalam Buku Malaysia Book of Records kerana satu-satunya petak kajian yang telah dibanci secara berkala sejak 73 tahun yang lalu.

7. Kerajaan Negeri melihat bahawa kepelbagaian sumber ini menggambarkan hutan umpama sebuah '**peti harta karun**' biologi, dengan potensi pembangunan dalam pelbagai sektor. Hutan telah dilihat dalam perspektif lebih besar dan holistik di mana kegunaannya perlu diperkembangkan lagi dari membiarkan ia dalam bentuk statik. Hutan perlu dibangunkan kepada nilai tambah baharu (bukan lagi kepada tujuan pengusahaan) tetapi kepada cara lain yang lebih mampan seperti ekopelancongan.

8. Halatuju ini seperti yang saya difahamkan sedang dirangka dalam **Pelan Strategik Perhutanan Negeri Sembilan (2021 – 2025)** yang dijangka dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri tanpa menjejaskan fizikal hutan sedia ada.

9. Sebenarnya, Hutan Simpan Sungai Menyala ini tidaklah asing bagi saya kerana telahpun berkunjung beberapa kali ke sini samada secara rasmi ataupun tidak rasmi. Namun begitu, apa yang menarik perhatian saya adalah setiap kali kunjungan saya ke sini akan

diserikan dengan aktiviti-aktiviti baharu yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Saya merasa berbangga melihat kawasan ini kekal dilitupi kehijauan pokok disamping wujudnya nilai baharu ekopelancongan dilakukan dari semasa ke semasa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Hutan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa memberikan hasil dan manfaat kepada Negeri dan masyarakat.

lanya perlu dijelajah bagi mendapatkan hasil dan manfaat dari hasil hutan bukan kayu seperti ekopelancongan. Oleh itu, untuk memantapkan ekopelancongan yang sentiasa bergerak pantas, usaha lebih signifikan perlu dilakukan dengan progresif dan kreatif. Penjenamaan semula Pusat Edu-Ecotourism Sungai Menyala kepada PD Forest adalah satu inisiatif yang bijak. Penjenamaan ini bertujuan untuk melonjakkan identiti dan memudahkan promosi kepada masyarakat awam terutamanya pelancong luar negara.

Di mata dunia, nama Port Dickson sudah tidak asing lagi kepada masyarakat. Nama baharu **PD Forest** ini akan dapat menggambarkan lokasi dan suasana hutan ini sebagai satu tempat ekopelancongan unik, tambahan pula lokasinya memang berada di kawasan pelancongan terkenal di Malaysia.

11. PD Forest bagaikan sebuah resort percutian eksklusif yang mendamaikan, dikelilingi kehijauan pokok, embun dan kabus di pagi hari sambil dihiburkan dengan kicauan burung dan unggas.

PD Forest juga akan menjadi syurga kepada pencinta ilmu, pendidik dan para pelajar kerana di sini merupakan pusat pembelajaran perhutanan di Negeri Sembilan. Maka bertepatanlah objektif penubuhan PD Forest ini sebagai kawasan ekopelancongan dan pusat pendidikan yang sangat sesuai kepada pengunjung dari pelbagai peringkat umur.

12. Selari dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil negeri melalui ekopelancongan sebanyak 30%,

saya dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan telah mengkaji dan merancang pelbagai tawaran produk di PD Forest kepada pelancong dalam dan luar negeri. Antara aktiviti yang akan ditawarkan di PD Forest adalah berbasikal lasak, berkhemah, rekreasi kuda, memanah dan jelajah hutan menggunakan ATV. Diharapkan nilai produk baharu di PD Forest ini akan terus ditambah dengan pelbagai lagi kelainan pada masa akan datang.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

13. Bagi memeriahkan lagi program pada hari ini, pelancaran Trek Basikal Mountain Bike yang sejauh 23 kilometer akan dilaksanakan sebentar lagi. Sebanyak tujuh (7) checkpoint di sepanjang trek ini yang akan memberikan pengalaman dan suasana yang berbeza. Antaranya ialah suasana berbasikal dalam kawasan hutan dara, melihat pemandangan laut di atas bukit serta merasai kepuasan melepasi cabaran kawasan beralun yang dinamakan Dragon Back.

14. Inilah kawasan trek berbasikal yang tentunya akan menjanjikan pengalaman yang bermakna kepada penunggang kerana cabarannya yang berbeza dari trek berbasikal yang lain.

15. Saya juga difahamkan bahawa pada hari ini pihak tuan rumah telah menyediakan persembahan luar biasa yang jarang-jarang diadakan dalam hutan khusus untuk kita semua iaitu Perarakan Berkuda, Victory Run dan Berpedang Kuda.

16. Selain itu, bagi meraikan sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang bertemakan “Forest and Biodiversity”, aktiviti penanaman anak pokok Tongkat Ali dan pelepasan benih ikan akan turut dilakukan. Kepada tetamu yang akan diberi peluang untuk menanam pokok Tongkat Ali, ingatlah bahawa ini akan menjadi satu amal jariah yang berpanjangan sebagaimana Sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Bukhari & Muslim, yang bermaksud,

“Jika ada sesiapa yang menanam sebatang pokok dan bercucuk tanam dan manusia serta haiwan atau burung-burung mendapat makanan darinya, maka ia akan menjadi (pahala) sedekah baginya”

17. Ungkapan orang-orang tua Melayu ada menyebut, “Kalau hidup hendak selamat, peliharalah laut beserta selat, peliharalah tanah berhutan lebat, di situ terkandung rezeki dan rahmat, di situ terkandung tamsil ibarat, di situ terkandung aneka nikmat, di situ terkandung beragam manfaat, di situ terkandung petua adat”.

18. Oleh itu, dalam usaha memelihara khazanah hutan di negeri ini, apa yang pasti, kita semua harus sentiasa bersiap sedia menjalankan tanggungjawab di atas amanah yang telah diberikan. Ini kerana kita berperanan penting dalam memastikan kemampunan hutan bagi manfaat dan kesejahteraan semua. Penjanaaan hasil negeri melalui penawaran produk ekopelancongan juga dapat memenuhi kecenderungan pelancong luar dan dalam negara untuk terus datang melawat Negeri Sembilan sebagai destinasi utama pelancongan Negara.

19. Akhir kata syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini, terutamanya Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, Syarikat edotco Malaysia, anggota keselamatan seperti PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta RELA. Semoga kerjasama erat dan semangat muafakat yang diberikan pada hari ini dari semua agensi ini serta juga semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung akan berterusan bagi memastikan kesejahteraan negeri

selaras dengan tagline Kerajaan Negeri iaitu
“Negeri Sembilan Bersih. Muafakat. Sejahtera”

20. Dengan itu, berlafazkan kalimah
Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan
**Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa
Peringkat Negeri Sembilan tahun 2020** dan
juga **pelancaran penjenamaan baharu dari
Pusat Edu-Ecotourism Sungai Menyala
kepada PD Forest, Sungai Menyala.**

Sekian Wabilla Hi Taufiq Wal Hidayah.
Assalamualaikum Warahmatullah
Wabarakatuh. **Salam Bersih, Muafakat,
Sejahtera**